

28 MAR 2002

Ketari-Zaharah (Bergambar)

PEMBANGKANG TAK AKAN DAPAT GUNA ISU KEBAJIKAN SEBAGAI "SENJATA"

BENTONG, 28 Mac (Bernama) -- Pembangkang khususnya DAP tidak akan dapat menggunakan isu kebajikan sebagai "senjata" pada hari-hari terakhir waktu berkempen bagi memancing undi pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Ketari yang akan diadakan Ahad ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini berkata kerana tanggungjawab untuk membantu rakyat dari golongan tua, termiskin dan kurang upaya bukannya diberi pada pilihan raya sahaja malah setiap masa oleh kerajaan pusat.

"Kerajaan tak pernah cuai untuk membantu...tetapi sekiranya ada kes-kes yang terlepas pandang kita sedia membantu," katanya kepada pemberita selepas program Mesra Rakyat anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat di sini hari ini.

Sebelum ini, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik menyebut DAP mungkin menggunakan strategi tertentu pada masa-masa akhir mereka berkempen untuk pilihan raya kecil Ketari dengan harapan supaya BN tidak sempat untuk menjawabnya sebelum hari mengundi 31 Mac ini.

Malah, katanya nasib golongan sedemikian terjamin di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN) terutama ada peruntukan yang ditujukan khas kepada golongan demikian pada pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lepas.

Dalam pakej rangsangan itu, sebagai contoh, sesetengah penerima bantuan kebajikan itu diberikan kenaikan seratus peratus daripada jumlah minimum RM200 kepada RM400, katanya.

Bagi pakej geran pelancaran kepada golongan yang mahu memulakan sesuatu perniagaan, nilainya ditambah kepada RM2,700 berbanding RM1,500 sebelum ini.

Proses penilaian juga dilakukan setiap masa oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam tempoh enam hingga lapan bulan dan kerana itulah senarai penerima bantuan tidak tetap, kata Siti Zaharah.

Siti Zaharah berkata tumpuan kerajaan sekarang ialah membantu golongan pelajar yang sangat memerlukan wang untuk pelajaran yang apabila lulus kelak, mereka boleh membantu keluarga dengan pendapatan yang ada.

Beliau yakin dengan penduduk di kawasan itu akan menyokong BN.

"Pembangkang boleh bercakap apa sahaja tetapi tuduhan yang mereka lakukan tiada asas. Apa yang mereka buat dan mereka bantu? Lagipun tiada ruang untuk mereka beri bantuan," katanya.

Siti Zaharah sebelum itu menyampaikan bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bantuan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) 260 orang kurang upaya, cacat, ibu tunggal dan warga tua.

Pilihan raya kecil berkenaan akan diadakan pada 31 Mac ini berikutan kematian anggotanya Datuk Loke Koon Kam, 58, pada 3 Mac lepas.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan persaingan antara calon BN Yum Ah Ha dari BN dan Choong Siew Onn dari DAP.

-- BERNAMA

SHS LAT